

PANDANGAN

Pendaratan Raffles bukan satu penemuan tapi terbaru dalam warisan S'pura

► PETER BORSCHBERG

BOLEHKAH Stamford Raffles benar-benar diberi kredit sepenuhnya kerana menemui potensi Singapura sebagai emporium komersial dan kedudukan strategik semula jadi di rantau Selat? Apakah lokasinya yang penting di sepanjang laluan maritim yang sibuk tidak ditemui sebelum kedatangan Raffles atau dilupakan selama berabad-abad?

Penyelidikan baru-baru ini mendapati bahawa sebelum 1800, Singapura bukanlah tempat yang dilupakan oleh masa.

Nama Singapura dan kelainan ortografinya kerap ditampilkan dalam bahan-bahan tulisan dan kartografi (*cartographical*) sejak orang-orang Eropah tiba di Asia Tenggara dan bahkan sebelum itu.

Terdapat juga beberapa nama lain:

Pulau Panjang (Long Island) adalah nama yang kadangkala ditampilkan dalam bahasa Melayu asli atau terjemahan Belanda, Perancis, Sepanyol dan British pada 1600-an dan 1700-an.

Peniaga Belanda Jacques de Coutre yang telah beberapa kali melalui perairan Singapura pada akhir 1500-an dan awal 1600-an memanggil Singapura sebagai *Isla de la Sabandaria Vieja* (Pulau Sabandaria Lama) sempena kehadiran shah bandar Singapura.

Nama-nama tambahan termasuklah *Insel Gubernador* (Pulau Gabenor) sempena Selat Gabenor, nama Eropah bagi Selat Singapura antara 1616 dengan 1819.

Ia digunakan oleh Gottfried von Laimbeckhoven, seorang penganut Kristian yang kemudian menjadi Biskop Nanjing, ketika beliau mencatat pelayarannya di pulau itu pada 1738.


Bagi kebanyakan rekod sejarah, Singapura sememangnya dianggap berada di lokasi strategik, baik secara ketenteraan ataupun secara komersial.

Bahan-bahan geografi Asia dan Eropah dari 1500 hingga 1800 dan boleh dikatakan sebelum itu, melihat Singapura sebagai penanda kawasan peralihan antara Teluk Benggala dengan Selat Melaka di barat dan Laut China Selatan di timur.

Begitu juga, beberapa pengarang Arab dan Portugis dalam zaman masa pramoden menganggap Singapura sebagai pintu masuk atau gerbang.

Para penguasa setempat dan kuasa penjajah Eropah sedar bahawa sesiapa yang menguasai perairan Selat Singapura akan dapat menguasai lalulintas perdagangan maritim.

Disebabkan kedudukan Singapura yang strategik, kuasa Eropah yang aktif di rantau



Boat Quay, Singapore

BOAT QUAY DALAM 1844: Pemandangan di Sungai Singapura yang dipenuhi dengan tongkang yang menjalankan perdagangan. Kedudukan Singapura yang strategik memang sudah diketahui sebelum kedatangan Raffles. – Foto fail

Selat berusaha menguasai perdagangan di perairan itu dengan mengganggu dan merosakkan rangkaian komersial pesaing Eropah mereka.

Syarikat Hindia Timur Belanda atau VOC secara rutin mengerahkan kapal-kapalnya di tempat-tempat tertentu di Selat Singapura pada awal 1600-an.

Satu skuadron ditugaskan untuk menyusuri pantai timur Singapura dan muara Sungai Johor, manakala satu lagi meronda perairan di pantai utara pulau Karimun.

Daripada kedua-dua titik penting itulah pemantauan mustahil dibuat ke atas semua lalulintas perkapalan menerusi Selat Singapura dan selatan Selat Melaka serta perairan di sekitarnya seperti Kundur, Durian, Sugi, Jombol, Riau dan Selat Tebrau.

Di samping mengawal titik penting sepanjang paksi Karimun-Singapura-Pedra Branca, beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk membina kubu-kubu pada dan sekeliling Singapura, walaupun tidak satu pun yang membuahkan hasil sebelum 1800.

Orang Belanda diketahui telah merancang dalam awal 1600-an untuk membina sebuah kubu di hujung barat laut Sentosa sekarang – di lokasi yang sama di Fort Siloso yang dibina Inggeris lama kemudiannya.

Cadangan tambahan Belanda yang dilakar sekitar 1614 termasuklah kemungkinan membina kubu di sepanjang pantai timur Singapura.

Salah satu cadangan paling terperinci dan menarik ditemui dalam petisyen yang ditulis Jacques de Coutre pada pertengahan 1620-an.

Dalam dokumen itu, beliau menasihati Raja Sepanyol (juga memerintah Portugal) agar membina kubu utama di hujung barat laut Sentosa sekarang ini.

Struktur kedua dicadangkan di pantai timur Singapura dan ketiga di sebuah pulau kecil yang tidak dikenali dekat Pulau Tekong Besar.

Dari situ mungkin mustahil tidak melihat kapal-kapal memasuki dan meninggalkan Sungai Johor serta Selat Tebrau.

Semua cadangan oleh Belanda atau Sepanyol telah dihentikan sama ada disebabkan oleh kos yang tinggi, keutamaan yang lebih mendesak atau bantahan daripada kerajaan Johor.

Secara komersial, sekurang-kurangnya dua abad sebelum Raffles tiba, Singapura telah diiktiraf kerana pelabuhannya yang baik dan potensi komersialnya sebagai petempatan kolonial.

De Coutre menganggap pelabuhan Singapura sebagai “salah satu yang terbaik dan memenuhi keperluan Hindia” dan kemudian mengesyorkan bahawa Raja Sepanyol telah menemui emporium penjajah di sini.

Abraham Couperus yang menjadi Gabenor Belanda terakhir di Melaka hingga 1795, juga mengesyorkan kepada Gabenor Jeneral atasannya, Herman Willem Daendels, pada 1809 agar Belanda menimbangkan kemungkinan menubuhkan sebuah jajahan baru, yang dibina daripada tanah kosong, selepas Perang Anglo-Perancis.

“Singapura pastinya bukan tempat yang hilang dan dilupakan pada 1819, atau sesungguhnya pada abad-abad sebelum itu. Ia diiktiraf kerana nilai lokasinya dan telah diajukan dalam saranan untuk dijadikan kubu dan penjajahan. Dengan perspektif masa yang mendalam, kisah penemuan Singapura oleh Raffles harus dilihat bukan sebagai suatu penemuan tetapi sebagai yang terbaru dalam siri wawasan untuk pulau tersebut.”

Abraham Couperus telah menyenaraikan dua lokasi yang dianggapnya sesuai: Pulau Belitung (Billiton) dan Singapura, atau sekurang-kurangnya lokasi di hujung Semenanjung.

Menariknya, Raffles tidak lama kemudian memperolehi kedua-dua tempat itu, mengatur pengambilalihan Bangka dan Belitung dari Palembang pada 1812, dan Singapura pada 1819.

Apakah makna ini semua?

Singapura pastinya bukan tempat yang hilang dan dilupakan pada 1819, atau sesungguhnya pada abad-abad sebelum itu.

Ia diiktiraf kerana nilai lokasinya dan telah diajukan dalam saranan untuk dijadikan kubu dan penjajahan.

Dengan perspektif masa yang mendalam, kisah penemuan Singapura oleh Raffles harus dilihat bukan sebagai suatu penemuan tetapi sebagai yang terbaru dalam siri wawasan untuk pulau tersebut.

► Penulis Profesor Madya di Jabatan Sejarah Universiti Nasional Singapura.